LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

CUKAI PEGANGAN KE ATAS PENDAPATAN KELAS KHAS

KETETAPAN UMUM NO. 10/2019

TARIKH PENERBITAN: 10 DISEMBER 2019

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga

Edisi kedua pada 5 Disember 2018

Edisi pertama pada 23 Januari 2014

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN

		Muka surat
1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pendapatan Kelas Khas yang Dikenakan Cukai	2
5.	Perolehan Pendapatan Kelas Khas	2
6.	Perkhidmatan yang Diberikan Berkaitan dengan Penggunaan atau Pemasangan atau Pengendalian Aset	4
7.	Nasihat, Bantuan atau Perkhidmatan yang Diberikan Berkaitan dengan Pengurusan atau Pentadbiran	5
8.	Sewa atau Pembayaran Lain yang Dibuat di bawah Mana-Mana Perjanjian bagi Penggunaan Harta Alih	12
9.	Pembayaran Ganti	14
10.	Pembayaran atau Perbelanjaan Tunai Langsung	15
11.	Pembayaran Pendahuluan dan Deposit	17
12.	Potongan Cukai	17
13.	Meremitkan Cukai yang Telah Dipotong	20
14.	Kesan Tidak Memotong dan Meremit Cukai	22
15.	Rayuan oleh Pembayar atas Bayaran Cukai Pegangan	34
16.	Permohonan untuk Relif Selain Berkenaan Kesilapan atau Khilaf	35
17.	Penjelasan Mengenai Tarikh Akhir Bayaran	35
18.	Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali	35
19.	Cukai Pegangan di bawah Seksyen 109B dan 107A, ACP	36
20.	Kontrak Sedia Ada sebelum Pindaan kepada Seksyen 15A, ACP	37
21.	Pengecualian Cukai Pegangan atas Pendapatan daripada Pekhidmatan yang Dilaksanakan di Luar Malaysia pada atau selepas 6.9.2017	39
22.	Pemeriksaan Transaksi	40
23.	Kemaskini dan Pindaan	41
24.	Penafian	42

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

1. **Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan -

(a) pendapatan kelas khas yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP),

(b) potongan cukai daripada pendapatan kelas khas, dan

(c) kesan tidak memotong dan meremitkan cukai daripada pendapatan kelas khas

2. **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan ACP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 4A, 4B, 7 dan 8, perenggan 4(c) and 6(1)(e), seksyen 15A, subseksyen 24(8), perenggan 39(1)(*j*), seksyen 98, 109B, 109H, subseksyen 113(2), seksyen 131A, subseksyen 132(1) dan Bahagian V, Jadual 1 ACP.

2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah:

(a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2017 [P.U.(A) 323/2017];

(b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 25) 1995 [P.U.(A) 322/1995];

(c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2007 [P.U.(A) 58/2007]; dan

(d) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 24) 2002 [P.U.(A) 210/2002]

3. **Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.

3.2 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

3.3 “Orang” termasuk syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.

3.4 “Orang yang bermastautin” adalah orang yang bermastautin di Malaysia bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti mana ditentukan di bawah seksyen 7 dan 8, ACP.

3.5 "Orang yang tidak bermastautin" berhubung dengan penerima, adalah orang yang selain daripada orang yang bermastautin.

3.6 "Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dan protokol" bermaksud perjanjian yang dibuat di antara dua pentadbir dari dua negara bagi menghapuskan pencukaian dua kali.

3.7 "Pesuruhjaya Khas" bermaksud Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang disebut dalam seksyen 98, ACP.

4. Pendapatan Kelas Khas yang Dikenakan Cukai

Pendapatan orang yang tidak bermastautin daripada pendapatan kelas khas berikut adalah dikenakan cukai di Malaysia jika ianya diperolehi dari Malaysia:

(a) amaun yang dibayar sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh orang yang tidak bermastautin atau pekerjanya berkaitan dengan:

(i) penggunaan harta atau hak yang dimiliki oleh orang yang tidak bermastautin itu; atau

(ii) pemasangan atau pengendalian mana-mana loji, jentera atau kelengkapan yang dibeli daripada orang yang tidak bermastautin itu [perenggan 4A(i), ACP];

(b) amaun yang dibayar kepada orang yang tidak bermastautin sebagai balasan bagi nasihat yang diberikan atau bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran bagi mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial [perenggan 4A(ii), ACP]; atau

(c) sewa atau bayaran lain yang dibuat kepada orang yang tidak bermastautin di bawah mana-mana perjanjian atau aturan bagi penggunaan mana- mana harta alih [perenggan 4A(iii), ACP].

5. Perolehan Pendapatan Kelas Khas

5.1 Pendapatan kasar berhubung dengan amaun yang dibayar di bawah perenggan 4A(i), 4A(ii) dan 4A(iii), ACP dianggap diperolehi dari Malaysia jika:

(a) tanggungjawab pembayaran tersebut terletak pada Kerajaan atau Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan,

(b) tanggungjawab pembayaran tersebut terletak pada orang yang bermastautin di Malaysia bagi tahun asas tersebut, atau

(c) pembayaran tersebut dituntut sebagai caj atau belanja dalam akaun sebuah perniagaan yang dijalankan di Malaysia.

5.2 Menurut seksyen 6 Akta Kewangan 2017 [Akta 785], berkuat kuasa 17.1.2017, pendapatan di bawah perenggan 4A(i) dan 4A(ii), ACP yang diperolehi dari Malaysia dikenakan cukai di Malaysia tanpa mengira sama ada perkhidmatan tersebut dilaksanakan di dalam atau di luar Malaysia.

Walau bagaimanapun, mulai 6.9.2017 Menteri Kewangan mengecualikan seseorang yang tidak bermastautin di Malaysia daripada membayar cukai pendapatan berkenaan pendapatan yang diperolehi dari Malaysia berhubung-

(a) perkhidmatan yang dirujuk di perenggan 4A(i), ACP; atau

(b) nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang dirujuk di perenggan 4A(ii), ACP

yang dilaksanakan oleh orang tersebut di luar Malaysia.

5.3 Dalam kes di mana kontrak memerlukan pelaksanaan perkhidmatan di dalam dan juga di luar Malaysia, bahagian nilai kontrak yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia hendaklah ditentukan secara adil dan wajar. Pembahagian nilai kontrak ini hendaklah dibuat berdasarkan kepada nilai perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Adalah penting supaya nilai kontrak tersebut diagihkan atas asas tersebut berdasarkan fakta setiap kes kerana hanya bahagian nilai kontrak yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia sahaja tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP.

Contoh 1

Syarikat Maju Sdn Bhd, sebuah syarikat Malaysia, telah menandatangani suatu perjanjian dengan Excel Ltd, sebuah syarikat yang tidak bermastautin, untuk menyediakan satu laporan yang memberi tumpuan khusus kepada struktur industri, keadaan pasaran dan nilai teknologi untuk Skim Geran Koridor Raya Multimedia. Pakar daripada Excel Ltd telah berada di Malaysia selama 6 hari bagi mengadakan perbincangan awal mengenai projek tersebut. Keseluruhan projek tersebut mengambil masa 42 hari mulai Oktober sehingga November 2019. Jumlah fi yang dibayar bagi projek tersebut adalah RM20,000. Laporan tersebut kemudiannya disiapkan di luar Malaysia.

Bahagian nilai projek yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia dikira mengikut kos masa.

Jumlah fi bagi projek	RM20,000
Bilangan hari untuk keseluruhan projek	42 hari
Bilangan hari berada di Malaysia	6 hari
Kos masa di Malaysia	RM2,857.14 (6/42 X 20,000)

Fi sebanyak RM2,857.14 adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP.

6. Perkhidmatan yang Diberikan Berkaitan dengan Penggunaan atau Pemasangan atau Pengendalian Aset [Perenggan 4A(i), ACP]

6.1 Perenggan 4A(i), ACP terdiri daripada amaun yang dibayar sebagai balasan bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di dalam atau di luar Malaysia, yang diberikan oleh orang yang tidak bermastautin atau pekerjanya, berkaitan dengan:

(a) penggunaan harta atau hak yang dimiliki oleh orang yang tidak bermastautin itu; atau

(b) pemasangan atau pengendalian mana-mana loji, jentera atau kelengkapan yang dibeli daripada orang yang tidak bermastautin itu.

Perlu diambil perhatian bahawa mana-mana perkhidmatan yang diberikan berkaitan penggunaan harta atau hak yang dimiliki oleh orang tidak bermastautin yang termasuk di bawah skop royalti adalah terjatuh di bawah skop perenggan 4A(i) ACP.

6.2 Berikut adalah contoh perkhidmatan yang menghasilkan pendapatan yang tergolong di bawah skop perenggan 4A(i), ACP:

(a) Menyediakan kakitangan untuk khidmat nasihat atau penyeliaan

Contoh 2

A Sdn Bhd membeli sebuah loji jana kuasa daripada B Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di India pada 1.3.2019. Syarat pembelian termasuk pemasangan loji tersebut oleh B Ltd. Bagi tujuan ini, B Ltd menghantar dua orang juruteranya ke Malaysia untuk menyelia pemasangan dan pengendalian loji tersebut dari 15.4.2019 hingga 31.5.2019. Fi yang dibayar kepada B Ltd bagi perkhidmatan tersebut adalah RM100,000.

Fi yang dibayar untuk perkhidmatan yang diberikan oeh pekerja B Ltd berkaitan dengan pemasangan loji yang dibeli dari B Ltd dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(i), ACP. Amaun kasar yang dibayar kepada B Ltd adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

(b) Perkhidmatan pemasangan dan pentauliahan

Contoh 3

Champ Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di India, menjual 3 unit dandang keluli tahan karat kepada Doublesteel Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar keluli di Malaysia dengan harga RM1 juta pada bulan Mac 2017. Amaun tambahan RM100,000 dipersetujui dibayar kepada Champ Ltd bagi perkhidmatan pemasangan dan pentauliahan dandang tersebut di Malaysia dan di cawangan syarikat Malaysia di Amerika Syarikat (AS) pada bulan April 2017. Pada Januari 2019, Champ Ltd telah menjual dandang keluli tambahan kepada Doublesteel Sdn Bhd dan RM120,000 telah dibayar untuk perkhidmatan pemasangan dan pentauliahan dandang di Amerika Syarikat.

(i) Bayaran RM100,000 untuk perkhidmatan yang diberikan pada April 2017 oleh Champ Ltd berhubung dengan pemasangan dan pentauliahan loji yang dibeli di dalam dan di luar Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(i) ACP. Amaun kasar yang dibayar kepada Champ Ltd adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

(ii) Bayaran sebanyak RM120,000 untuk perkhidmatan yang diberikan pada Januari 2019 oleh Champ Ltd berhubung dengan pemasangan dan pentauliahan dandang keluli di Amerika Syarikat dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(i) ACP.

Walau bagaimanapun, berkuat kuasa 6.9.2017, bayaran pemasangan dan pentauliahan dikecualikan daripada cukai pendapatan apabila perkhidmatan diberikan dan dilaksanakan oleh Champ Ltd di luar Malaysia.

7. Nasihat, Bantuan atau Perkhidmatan yang Diberikan Berkaitan dengan Pengurusan atau Pentadbiran [Perenggan 4A(ii), ACP]

7.1 Menurut seksyen 5 Akta Kewangan 2018 [Akta 812], berkuat kuasa 28.12.2018, perenggan 4A(ii), ACP terdiri daripada amaun yang dibayar kepada orang yang tidak bermastautin sebagai balasan nasihat yang diberikan, bantuan atau perkhidmatan, yang dilaksanakan di dalam dan di luar Malaysia, diberikan berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran bagi mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial.

Pindaan kepada perenggan 4A(ii) ACP ini tidak memberi kesan terhadap skop pembayaran kepada orang yang tidak bermastautin yang mana skop pembayaran kepada orang yang tidak bermastautin ini adalahtermasuk pembayaran untuk bantuan bukan teknikal dan perkhidmatan bukan teknikal.

7.2 Nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan pengurusan berkaitan dengan mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial termasuk pemindahan atau penggunaan pakar atau pengetahuan khusus, kemahiran atau kepakaran. Di antara contoh pengurusan termasuk penyediaan pemasaran, perkhidmatan pakar runding dan perundangan, pembekalan kakitangan perisian, perkhidmatan dan sokongan di antara syarikat seperti perkhidmatan pengujian dan penentukuran.

7.3 Pentadbiran akan meliputi perkhidmatan pengurusan atau perkhidmatan pentadbiran berkaitan dengan mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial. Antara contoh pentadbiran termasuk bantuan, perkhidmatan, fungsi pengurusan dan pentadbiran seperti perancangan, pengarahan, pengawalan, penyelarasan, perakaunan, perundingan pengurusan kewangan dan rundingan buruh.

7.4 Berikut adalah contoh perkhidmatan yang menghasilkan pendapatan yang terjatuh di bawah skop perenggan 4A(ii), ACP:

(a) Perkhidmatan pengurusan atau pemasaran

Contoh 4

KMN International Hotel Management Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di United Kingdom, telah menandatangani suatu perjanjian dengan ABC Hotel (M) Sdn Bhd pada bulan Februari 2017 bagi membekalkan perkhidmatan pengurusan hotel dan pemasaran di Malaysia berkaitan dengan:

(i) penyeliaan dan pengawalan pengurus besar,

(ii) penyeliaan dan penyelarasan program latihan dan pembangunan kakitangan, dan

(iii) pelan untuk mempromosi dan memasarkan hotel tersebut di Malaysia.

Di bawah syarat perjanjian, syarikat Malaysia akan membayar fi bulanan berdasarkan 5% daripada perolehan kasar kepada KMN International Hotel Management Ltd bagi perkhidmatan pengurusan dan pemasaran yang disediakan di Malaysia. Sebagai tambahan, fi tahunan sebanyak 2% atas jualan kasar luar negara akan dikenakan bagi perkhidmatan pemasaran yang dilaksanakan di luar negara.

Fi bagi perkhidmatan yang diberikan oleh KMN International Hotel Management Ltd di dalam dan di luar Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Fi bulanan sebanyak 5% atas perolehan kasar dan fi tahunan 2% atas pemasaran luar negara yang dibayar kepada KMN International Hotel

Management Ltd adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%. Walau bagaimanapun, jika boleh disahkan bahawa KMN International Hotel Management Ltd adalah bermastautin di UK, cukai pegangan adalah pada kadar 8% mengikut PPPDK di antara Malaysia dan UK.

Berkuat kuasa mulai 6.9.2017, fi tahunan 2% atas pemasaran luar negara dikecualikan cukai pendapatan memandangkan perkhidmatan tersebut diberikan dan dilaksanakan oleh KMN International Hotel Management Ltd di luar Malaysia.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa KMN International Hotel Management Ltd tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia.

Sekiranya syarikat tidak bermastautin mempunyai establismen tetap di Malaysia, sila rujuk kepada perenggan 19 dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

(b) Perkhidmatan perunding

(i) Fi untuk perkhidmatan perunding

Contoh 5

Jet Engineering (M) Sdn Bhd, menandatangani satu perjanjian dengan Jet Engineering Services (Asia) Pte Ltd, sebuah syarikat Singapura pada bulan April 2017. Syarikat Singapura akan membekalkan pakar atau kakitangan untuk menjalankan pemeriksaan kejuruteraan dan kerja-kerja pembetulan di Port Dickson, Kuantan, Melaka dan Vietnam bagi tempoh 2 bulan (Mei dan Jun 2019). Fi yang dipersetujui adalah RM500,000 termasuk RM150,000 yang berkaitan dengan kerja yang dilaksanakan di Vietnam.

Fi bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Jet Engineering Services (Asia) Pte Ltd di dalam dan di luar Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Fi kasar sebanyak RM350,000 adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP. Jika boleh disahkan bahawa Jet Engineering Services (Asia) Pte Ltd adalah bermastautin di Singapura, cukai pegangan adalah pada kadar 5% mengikut PPPDK di antara Malaysia dan Singapura. Fi berjumlah RM150,000 berhubung dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Vietnam dikecualikan daripada –

(i) cukai pendapatan mulai 6.9.2017; dan

(ii) cukai pegangan di bawah PPPDK tersebut.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa Jet Engineering Services (Asia) Pte Ltd tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia; dan

Sekiranya syarikat tidak bermastautin mempunyai establismen tetap di Malaysia, sila rujuk kepada perenggan 19 dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

(ii) Fi untuk perkhidmatan perunding termasuk pembayaran ganti

Contoh 6

M & A Ltd, sebuah firma akitek di London telah diupah untuk menyediakan suatu pelan bagi sebuah hospital di Kuala Lumpur pada bulan April 2017. Staf firma tersebut telah datang ke Malaysia beberapa kali untuk memeriksa tapak, mengadakan perbincangan dengan syarikat tempatan dan akhirnya menyerahkan pelan induk tersebut. Pelan itu telah disediakan di pejabat firma di London. Fi perunding berjumlah RM1 juta dipersetujui akan termasuk pembayaran ganti yang kena dibayar mengikut invois bulanan berdasarkan kemajuan kerja siap. Perjanjian juga memperuntukkan satu analisis bagi fi yang dikenakan.

Fi bagi perkhidmatan yang diberikan oleh M & A Ltd di dalam dan di luar Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Fi termasuk pembayaran ganti adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP. Walau bagaimanapun, jika boleh disahkan bahawa M & A Ltd adalah bermastautin di UK, cukai pegangan adalah pada kadar 8% mengikut PPPDK di antara Malaysia dan UK.

Berkuat kuasa mulai 6.9.2017, bahagian fi termasuk pembayaran ganti yang berhubung kepada perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa M & A Ltd tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia.

Sekiranya syarikat tidak bermastautin mempunyai establismen tetap di Malaysia, sila rujuk kepada perenggan 19 dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

(iii) Fi bulanan untuk perkhidmatan pakar runding termasuk pembayaran ganti berkenaan perbelanjaan yang berkaitan

Contoh 7

FGH (M) Sdn Bhd, adalah sebuah syarikat pembekal perkakasan dan perisian. Syarikat telah menandatangani suatu perjanjian dengan PQR Software Pte Ltd, sebuah syarikat India. PQR akan menyediakan kakitangan untuk bekerja dengan FGH bagi membekalkan dan melaksanakan suatu Sistem Pengurusan Tunai Sepadu di sebuah bank Malaysia di Malaysia. Fi bulanan yang dipersetujui akan dibayar oleh FGH termasuk pembayaran ganti seperti tiket kapal terbang, penginapan tempatan, makanan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan.

Fi bagi perkhidmatan yang diberikan oleh PQR dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Fi bulanan yang termasuk pembayaran ganti tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP pada kadar 10%. Walau bagaimanapun, pembayaran ganti bagi penginapan tempatan tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP.

Untuk maklumat lanjut berkaitan pembayaran ganti, sila rujuk perenggan 9 dalam KU ini.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa PQR tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia.

Sekiranya syarikat tidak bermastautin mempunyai establismen tetap di Malaysia, sila rujuk kepada perenggan 19 dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

(c) Perkhidmatan perundangan berkaitan dengan hutang atau peraturan agensi

Contoh 8

Sebuah firma perundangan di Sepanyol telah diupah oleh sebuah syarikat Malaysia pada bulan Disember 2018 untuk memberi nasihat mengenai suatu perjanjian pengurangan hutang dan suatu perjanjian agensi. Perkhidmatan tersebut dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia.

Fi bagi perkhidmatan yang diberikan di Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Fi tersebut tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%. Walau bagaimanapun, jika boleh disahkan bahawa firma perundangan adalah bermastautin di Sepanyol, cukai pegangan adalah pada kadar 5% mengikut PPPDK di antara Malaysia dan Sepanyol.

(d) Perkhidmatan di antara syarikat

Contoh 9

Em Electric Canada Limited adalah sebuah syarikat multinasional yang berurusan dalam pelbagai produk jenama dalam bidang telekomunikasi, pengurusan proses, penyelesaian pengstoran, automasi industri dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Semasa melaksanakan projek untuk pelbagai pelanggan di Malaysia, syarikat subsidiarinya di Malaysia iaitu Em Technology Sdn Bhd selalu meminta bantuan daripada syarikat induk atau syarikat subsidiari lain yang tidak bermastautin di Malaysia untuk menyediakan latihan, pengurusan projek dan perkhidmatan lain yang berkaitan.

Staf daripada syarikat induk dan syarikat subsidiari lain di Kanada akan ditugaskan bekerja di Malaysia selama 3 bulan dari bulan Jun hingga Ogos 2019. Gaji staf yang ditugaskan itu akan dibiayai oleh syarikat induk atau syarikat subsidiari lain yang tidak bermastautin. Syarikat induk atau syarikat subsidiari tersebut akan mengeluarkan nota debit untuk mendapatkan kembali kos staf dan pembayaran ganti lain daripada Em Technology Sdn Bhd. Nota debit yang dikeluarkan dianggap sebagai agihan kos yang bergantung kepada jenis kerja yang terlibat.

Fi (nota debit) bagi bantuan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Em Electric Canada Limited dan subsidiarinya dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Amaun yang ditunjukkan dalam nota debit adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa syarikat Kanada tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia.

Sekiranya syarikat tidak bermastautin mempunyai establismen tetap di Malaysia, sila rujuk kepada perenggan 19 dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

Nota

Dalam ketiadaan Artikel Teknikal dalam PPPDK di antara Malaysia dan Kanada, Artikel Pendapatan yang Tidak Dinyatakan dengan Jelas adalah terpakai. Sila rujuk kepada perenggan 18(1)(b) dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

Contoh 10

AZ Sdn Bhd membayar fi pengurusan kepada syarikat induk di Amerika syarikat (AS). Syarikat induk menyediakan kakitangan untuk melaksanakan perkhidmatan pengurusan di Malaysia. Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh AS kepada AZ Sdn Bhd adalah bantuan,

pengurusan dan sokongan dalam pengurusan, membuat keputusan, jualan dan pembangunan perniagaan, membuat keputusan kewangan, perundangan, aktiviti hubungan awam, perkhidmatan pengurusan risiko dan pengurusan sokongan yang lain seperti yang dipersetujui secara bersama oleh AZ Sdn Bhd dan syarikat induk. Semua perkhidmatan pengurusan diberikan di Malaysia.

Fi untuk perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat induk di Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Fi tersebut tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

(e) Kursus latihan yang direka khas

Kursus latihan yang direka khas adalah kursus yang direka secara khusus untuk memenuhi keperluan perniagaan syarikat berhubung dengan projek syarikat bagi kumpulan orang yang spesifik yang tergolong di bawah perenggan 4A(ii), ACP.

Contoh 11

Aircraft Services Sdn Bhd dan Dublin Aerospace, Ireland telah menandatangani suatu perjanjian usahasama untuk memberi perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kapal terbang di Malaysia. Dublin Aerospace dikehendaki memberi bantuan kepada Aircraft Services Sdn Bhd di Malaysia. Jurutera kapal terbang daripada Dublin Aerospace yang merupakan seorang pakar dalam kejuruteraan kapal terbang ditugaskan untuk menjalankan kursus 2 minggu di Malaysia bagi juruteknik kapal terbang daripada Aircraft Services Sdn Bhd. Kursus ini direka khas untuk memberi latihan berhubung penyelenggaraan dan pembaikan kapal terbang yang terbaharu. Bayaran dibuat kepada Dublin Aerospace.

Bayaran kepada Dublin Aerospace bagi jurutera kapal terbang untuk menjalankan kursus yang direka khas untuk memenuhi keperluan perniagaan projek di Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Bayaran kasar tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

(f) Perkhidmatan pengujian dan penentukuran

Contoh 12

Safety Products Sdn Bhd membuat bayaran kepada Inspec Ltd, sebuah syarikat di Perancis, sebagai balasan atas penyediaan perkhidmatan menguji, mengukur dan menentukur dari 1.4.2019 hingga 20.4.2019 yang telah dilaksanakan di Malaysia.

Fi bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Inspec Ltd dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Amaun kasar yang dibayar kepada syarikat di Perancis tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa syarikat Perancis tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia.

Sekiranya syarikat tidak bermastautin mempunyai establismen tetap di Malaysia, sila rujuk kepada perenggan 19 dalam KU ini untuk maklumat lanjut.

8. Sewa atau Pembayaran Lain yang Dibuat di bawah Mana-Mana Perjanjian bagi Penggunaan Harta Alih [Perenggan 4A(iii), ACP]

8.1 Perenggan 4A(iii), ACP terdiri daripada sewa atau pembayaran lain yang dibuat kepada orang tidak bermastautin bagi penggunaan mana-mana harta alih termasuk sewa atau pembayaran lain yang dibuat bagi penggunaan pelantar penggerudian minyak, bot, kapal, kereta, kapal terbang atau lain-lain peralatan di dalam atau di luar Malaysia. Berikut adalah aktiviti yang tertakluk di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP:

(a) Penyewaan slot/ carter

Penyewaan slot / carter adalah di mana penyewa mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan sesuatu slot / ruang tertentu di dalam sebuah kapal / kapal terbang dengan ketiadaan hak orang lain. Pembayaran yang dibayar untuk penyewaan slot / carter adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar.

(b) Pajakan kapal / kapal terbang

Pajakan sesebuah kapal / kapal terbang adalah penggunaan ekslusif kapal / kapal terbang yang disewa khas, sama ada kosong ataupun bersama anak-anak kapal. Pembayaran yang dibuat kepada orang tidak bermastautin yang menyewakan kapal / kapal terbang itu tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP dan ianya tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas penerimaan kasar.

(c) Carter waktu

Carter waktu adalah apabila sesebuah kapal / kapal terbang disewakan untuk suatu tempoh tertentu. Oleh itu, jika kapal / kapal terbang tersebut disewakan, sebagai contoh sekiranya untuk 3 tahun, cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar mestilah dipotong daripada pembayaran atau fi carter yang dibayar berhubung dengan penggunaan kapal / kapal terbang tersebut.

(d) Carter pelayaran

Carter pelayaran adalah berkenaan dengan suatu pelayaran / penerbangan tertentu, iaitu suatu laluan yang telah ditentukan terlebih dahulu. Jika sebuah kapal / kapal terbang disewakan berhubung dengan suatu pelayaran / penerbangan tertentu, fi carter yang diterima adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas fi kasar.

8.2 Pendapatan berikut tidak terjatuh di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP:

Caj muatan

Caj muatan yang dibayar kepada orang tidak bermastautin berhubung dengan pengeksportan / pengimportan barang-barang tidak terjatuh di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP kerana caj muatan adalah fi untuk penghantaran barang-barang dan bukan pembayaran bagi menggunakan harta alih.

Walau bagaimanapun, fi selain daripada caj muatan untuk penghantaran barang-barang seperti fi pengendalian dan fi perkhidmatan agensi adalah terjatuh di bawah skop perenggan 4A(ii), ACP dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP.

8.3 Berikut merupakan pendapatan yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(iii), ACP yang diberi pengecualian secara khusus di bawah Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan adalah seperti berikut:

8.3.1 Aturan secara ‘pool’

Orang tidak bermastautin yang memperolehi pendapatan di bawah perenggan 4A(iii), ACP yang terdiri daripada pembayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian atau aturan secara ‘pool’ oleh sebuah syarikat bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan mengangkut penumpang atau kargo melalui laut adalah secara khusus dikecualikan daripada cukai pegangan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 25) 1995 [P.U.(A) 322/1995]. Oleh itu, peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP tidak terpakai kepada pendapatan yang dikecualikan itu.

8.3.2 Pendapatan diterima daripada syarikat perkapalan di Malaysia

(a) Orang tidak bermastautin di Malaysia yang memperolehi pendapatan di bawah perenggan 4A(iii), ACP daripada syarikat perkapalan Malaysia, yang terdiri daripada pembayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian atau aturan bagi penggunaan kapal diberi pengecualian secara khusus di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2007 [P.U. (A) 58/2007].

Pendapatan penyewaan ini adalah yang berkaitan dengan penggunaan kapal berasaskan carter pelayaran, carter waktu atau carter kapal kosong. Oleh itu, peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP tidak terpakai kepada pendapatan yang dikecualikan itu. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 2.9.2006.

(b) Bagi tujuan pengecualian ini, perkataan di bawah mempunyai maksud berkut:

"Kapal" ertinya kapal pelayaran di lautan selain daripada feri, barj, bot tunda, vesel bekalan, bot anak kapal, laiter, kapal korek, bot nelayan atau vesel lain yang sama;

"Kapal kosong" ertinya kapal disewakan tanpa anak-anak kapal dan penyewa berhak mendapat penggunaan eksklusif kapal tersebut bagi sesuatu tempoh atau sesuatu pelayaran tertentu;

"Kapal Malaysia" ertinya kapal pelayaran di lautan yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952; dan

"Syarikat perkapalan Malaysia" ertinya suatu syarikat bermastautin yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016 yang memiliki kapal Malaysia dan menjalankan perniagaan -

(i) mengangkut penumpang atau kargo melalui laut dengan kapal; atau

(ii) menyewakan kapal.

8.3.3 Pendapatan yang diperolehi daripada penyewaan kontena Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) oleh suatu syarikat perkapalan Malaysia

Orang bukan bermastautin di Malaysia yang menerima pendapatan daripada penyewaan kontena ISO oleh syarikat perkapalan Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai pegangan mulai 20.10.2001 di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 24) 2002 [P.U.(A) 210/2002].

Bagi maksud pengecualian ini, syarikat perkapalan Malaysia adalah sama seperti takrifan di subperenggan 8.3.2(b).

9. Pembayaran Ganti

9.1 Pembayaran ganti merujuk kepada pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung yang dilakukan oleh penerima -

(a) di dalam memberi perkhidmatan kepada pembayar; atau

(b) berkenaan dengan penggunaan mana-mana harta alih

dan dimana pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung tersebut kemudiannya akan dibayar ganti oleh pembayar. Perbelanjaan sedemikian termasuk kos tambang kapal terbang, perjalanan, penginapan, telefon dan caj fotokopi.

9.2 Pembayaran ganti adalah diambil kira sebagai sebahagian daripada nilai kontrak bagi perkhidmatan yang diberikan atau sebagai sebahagian daripada sewa atau pembayaran yang dibuat bagi penggunaan harta alih. Oleh yang demikian, ianya adalah pendapatan kepada penerima di bawah seksyen 4A, ACP dan tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar di bawah seksyen 109B, ACP.

9.3 Pembayaran ganti bagi penginapan hotel tidak termasuk dalam pengiraan pendapatan kasar yang termasuk di bawah seksyen 4A, ACP untuk tujuan cukai pegangan. Penyisihan ini bertujuan mengurangkan kos perkhidmatan yang diberikan oleh orang tidak bermastautin. Penginapan hotel bermaksud penginapan di sebuah hotel, hotel pangsapuri, pangsapuri servis, motel atau hostel di dalam dan di luar Malaysia.

10. Pembayaran atau Perbelanjaan Tunai Langsung

10.1 Pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh pembayar dan dibayar kepada pihak ketiga bagi pihak penerima -

(a) berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh penerima; atau

(b) berkenaan dengan penggunaan mana-mana harta alih.

Pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung adalah diambil kira sebagai sebahagian daripada nilai kontrak bagi perkhidmatan yang diberikan atau sebagai sebahagian daripada sewa atau pembayaran yang dibuat bagi penggunaan harta alih. Oleh yang demikian, ianya adalah pendapatan kepada penerima di bawah seksyen 4A, ACP dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10% atas amaun kasar.

10.2 Pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung atas penginapan hotel tidak termasuk dalam pengiraan pendapatan kasar yang terjatuh di bawah seksyen 4A, ACP untuk tujuan cukai pegangan. Tujuan penyisihan ini adalah sama dengan pembayaran ganti iaitu untuk mengurangkan kos perkhidmatan yang diberikan oleh bukan pemastautin.

Contoh 13

SH Pte Ltd, sebuah syarikat Singapura, telah memberikan perkhidmatan kepada Roadworks Sdn Bhd pada bulan Mac 2018. Perkhidmatan tersebut dilaksanakan di Malaysia. SH Pte Ltd mengeluarkan satu invois bernilai RM1,000 pada 15.6.2018. Roadworks Sdn Bhd membayar kos tambang kapal terbang sebanyak RM500 untuk wakil syarikat SH Pte Ltd kepada XS Airlines (XS) pada 15.3.2018. Perbelanjaan ini diklasifikasikan sebagai perbelanjaan perjalanan dalam akaun untung dan rugi Roadworks Sdn Bhd. Sebaik sahaja menerima invois, Roadworks Sdn Bhd telah membayar RM900 kepada SH Pte Ltd dan kemudian meremitkan baki RM100 kepada KPHDN.

Amaun kasar yang dibayar kepada SH Pte Ltd tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

Pembayar harus meremit jumlah RM100 kepada KPHDN dalam tempoh satu bulan selepas bayaran untuk perkhidmatan dibayar atau dikreditkan kepada SH Pte Ltd.

Walau bagaimanapun, sekiranya dapat disahkan SH Pte Ltd bermastautin di Singapura, kadar cukai pegangan adalah 5% mengikut PPPDK di antara Malaysia dan Singapura.

Pembayaran atau perbelanjaan langsung sebanyak RM500 yang dilakukan oleh Roadworks Sdn Bhd adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP. Walaupun pembayaran bagi tambang kapal terbang dibuat sepenuhnya kepada XS, cukai pegangan berjumlah RM50 (10% X RM500) sepatutnya ditanggung oleh penerima bayaran dan pembayar hendaklah meremitkan kepada KPHDN jumlah RM50 dalam tempoh sebulan selepas pembayaran tambang kapal terbang tersebut dibayar atau dikreditkan kepada XS.

Jumlah amaun cukai pegangan yang dikenakan ke atas penerima adalah:

	RM
10% X RM1,000 =	100.00
10% X RM500 =	50.00
	150.00

Pembayar kemudian boleh mendapatkan kembali daripada SH Pte Ltd amaun cukai pegangan berjumlah RM50.00.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa SH Pte Ltd tidak mengemukakan dokumen yang membuktikan taraf mastautinnya.

11. **Pembayaran Pendahuluan dan Deposit**

11.1 Pembayaran pendahuluan dan deposit yang tidak boleh dikembalikan kepada penerima bukan pemastautin -

(a) bagi perkhidmatan yang akan diberikan, atau

(b) berhubung dengan penggunaan mana-mana harta alih

di bawah seksyen 4A, ACP merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar sesuatu kontrak dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP.

Sebaliknya, deposit yang dibayar semasa menandatangani sesuatu perjanjian untuk perkhidmatan, di mana deposit itu boleh diperolehi semula apabila perkhidmatan selesai bukan sebahagian daripada pendapatan kasar sesuatu kontrak.

11.2 Pembayaran pendahuluan dan deposit yang tidak dikembalikan bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di dalam dan di luar Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Walaupun perkhidmatan belum bermula, pembayaran pendahuluan atau deposit yang tidak boleh dikembalikan adalah dibuat semata-mata bagi perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan ia adalah sebahagian daripada amaun kasar yang kena dibayar bagi perkhidmatan. Pembayaran pendahuluan dan deposit yang tidak boleh dikembalikan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%.

12. **Potongan Cukai**

12.1 Cukai pendapatan akan dikenakan bagi setiap tahun taksiran atas pendapatan orang yang tidak bermastautin yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, ACP yang diperolehi dari Malaysia, pada kadar 10% atas amaun kasar seperti yang diperuntukkan di Bahagian V, Jadual 1, ACP.

(a) Cukai pegangan ditanggung oleh penerima bayaran

Contoh 14

New World Pte Ltd, sebuah syarikat yang berpangkalan di negara China, telah memberi perkhidmatan kepada Teknik Sdn Bhd, bernilai RM150,000. Tahun kewangan Teknik Sdn Bhd berakhir pada 31 Disember. Perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan di Malaysia dari 16.4.2018 sehingga 24.4.2018. Sebaik sahaja perkhidmatan selesai, New World Pte Ltd mengeluarkan invois bertarikh 28.4.2018 kepada Teknik Sdn Bhd bagi perkhidmatan yang telah diberikan. Teknik Sdn Bhd menjelaskan fi untuk perkhidmatan kepada New World Pte Ltd pada 8.5.2018.

Fi untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia dianggap diperolehi di Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Amaun kasar yang dibayar kepada New World Pte Ltd tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP.

Pengiraan Cukai Pegangan

	RM
Bayaran fi untuk perkhidmatan	150,000
Tolak:	
Cukai pegangan (10%)	15,000
Bayaran kena dibayar kepada New World Pte Ltd	135,000

Teknik Sdn Bhd hendaklah meremitkan cukai pegangan yang dipotong berjumlah RM15,000 kepada KPHDN dalam tempoh sebulan selepas pembayaran telah dibayar atau dikreditkan kepada New World Pte Ltd, iaitu pada atau sebelum 8.6.2018. Amaun fi untuk perkhidmatan yang boleh dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan Teknik Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2018 adalah sebanyak RM150,000.

(b) Cukai pegangan ditanggung oleh pembayar

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14 kecuali Teknik Sdn Bhd berjanji untuk membayar amaun penuh fi untuk perkhidmatan berjumlah RM150,000 kepada New World Pte Ltd. Teknik Sdn Bhd juga bersetuju untuk menanggung dan membayar cukai pegangan kepada KPHDN dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2018, amaun berikut telah dituntut oleh Teknik Sdn Bhd sebagai perbelanjaan dalam akaun untung dan ruginya.

	RM
Fi untuk perkhidmatan yang dibayar kepada New World Pte Ltd	150,000
Campur:	
Cukai pegangan yang dibayar kepada KPHDN	15,000
Amaun yang dituntut dalam akaun untung rugi	165,000

Hanya fi untuk perkhidmatan berjumlah RM150,000.00 sahaja boleh diberi potongan dalam mengira pendapatan larasan perniagaan Teknik Sdn Bhd untuk tahun taksiran 2018. Cukai pegangan (cukai New World Pte Ltd) yang ditanggung oleh Teknik Sdn Bhd bukannya perbelanjaan yang boleh dibenarkan kerana ia bukan perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan kasarnya.

Nota

Berkuat kuasa 5.12.2018 (iaitu tarikh penerbitan KU No. 11/2018 bertajuk Cukai Pegangan ke atas Kelas Khas Pendapatan), dalam keadaan di mana cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP ditanggung oleh pembayar, cukai pegangan adalah dikira atas amaun kasar yang dibayar kepada orang tidak bermastautin.

Ini bermaksud bayaran yang dibuat kepada orang tidak bermastautin tidak perlu dikasarkan sekiranya tarikh pembayaran kepada bukan pemastautin jatuh pada atau selepas 5.12.2018, seperti yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak.

Tarikh kuat kuasa, 5.12.2018 merujuk kepada tarikh pembayaran yang perlu dibuat oleh pembayar kepada orang tidak bermastautin seperti yang dipersetujui oleh semua pihak dalam perjanjian tersebut.

12.2 Bagi tujuan menentukan amaun cukai pegangan di mana bayaran dibuat kepada bukan pemastautin adalah dalam mata wang bukan ringgit, pada masa bayaran dibuat, nilai Ringgit Malaysia yang sama nilai perlu dikira pada -

(i) kadar mata wang asing semasa pada tarikh bayaran dibuat (kadar ditunjukkan dalam pemindahan bertelegraf;

(ii) kadar yang diumumkan dalam portal rasmi LHDNM;

(iii) kadar yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia.

Cukai pegangan hendaklah dikira berdasarkan amaun dalam RM pada tarikh bayaran dibuat kepada bukan pemastautin.

12.3 Cukai pegangan di bawah section 109B, ACP adalah cukai muktamad. Walau bagaimanapun, jika seorang penerima bukan pemastautin mempunyai pendapatan daripada punca lain selain daripada pendapatan di bawah seksyen 4A, ACP dia perlu memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang C atau M). Pendapatan di bawah seksyen 4A, ACP boleh dilaporkan dalam borang tersebut dan dalam kes ini pendapatan akan dikenakan cukai pada kadar 10% dan pelepasan di bawah seksyen 110, ACP akan diberikan terhadap cukai pegangan yang telah dibayar dalam mengira cukai yang perlu dibayar dalam suatu tahun taksiran [perenggan 109B(3)(a), ACP].

13. Meremitkan Cukai yang Telah Dipotong

13.1 Seorang pembayar, biasanya orang yang menjalankan perniagaan di Malaysia, adalah bertanggungjawab untuk memotong dan meremitkan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP kepada KPHDN dan membayar amaun bersih tersebut kepada penerima (orang yang tidak bermastautin). Pembayar mesti membayar cukai pegangan yang telah dipotong itu kepada KPHDN dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkredit penerima. Untuk tujuan KU ini, terma mengkredit, mengkredit dalam situasi kontra dan tarikh mengkredit mempunyai maksud berikut:

(a) "Mengkredit" berhubung dengan sejumlah amaun bermakna lebih daripada satu catatan jurnal atau satu akruan bagi liabiliti dalam akaun pembayar dan sejumlah amaun adalah dianggap sebagai telah dikreditkan jika amaun tersebut ada untuk atau bagi manfaat penerima yang tidak bermastautin;

(b) "Mengkredit dalam situasi kontra" bermakna suatu situasi yang mana amaun tersebut boleh diperolehi untuk mengimbangkan mana-mana amaun yang terhutang oleh penerima yang tidak bermastautin dalam rekod syarikat; dan

(c) "Tarikh mengkredit" merujuk kepada tarikh amaun itu dibayar atau tarikh amaun itu dikreditkan ke dalam akaun bank penerima atau tarikh berlakunya satu catatan kontra.

Pembayar dikehendaki menggunakan Borang C.P.37D dan melengkapkan butiran berikut:

(a) Nama, alamat dan nombor rujukan cukai pendapatan pembayar,

(b) Nama penuh, alamat, negara dan nombor rujukan cukai pendapatan penerima,

(c) Salinan invois atau nota debit (jika berkenaan), dan

(d) Slip kiriman wang atau bukti dokumen lain yang menunjukkan tarikh amaun dibayar atau dikreditkan.

Borang C.P.37D boleh dimuat turun daripada portal rasmi LHDNM di alamat http: //www.hasil. gov.my.

Contoh 16

Bell Pte Ltd, yang bermastautin di Hong Kong telah memberikan perkhidmatan kepada Ark Sdn Bhd dari 20.1.2019 hingga 31.1.2019, di mana Bell Pte Ltd telah melaksanakan perkhidmatan tersebut di Malaysia. Bell Pte Ltd mengeluarkan invois bertarikh 2.2.2019 bernilai RM1 juta bagi perkhidmatan yang diberikan. Ark Sdn Bhd menjelaskan bayaran sebanyak RM600,000

dengan mengkredit dalam situasi kontra dengan Bell Pte Ltd dan mengredit baki RM400,000 ke dalam akaun bank Bell Pte Ltd. Tarikh mengkredit bayaran melalui catatan kontra dan mengkredit akaun bank adalah pada 31.3.2019.

Fi yang berjumlah RM1 juta bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia dianggap diperolehi dari Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(ii), ACP. Jumlah kasar yang dibayar kepada Bell Pte Ltd tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP pada kadar 10%. Walau bagaimanapun, sekiranya dapat disahkan bahawa Bell Pte Ltd bermastautin di Hong Kong, kadar cukai pegangan adalah 5% mengikut PPPDK di antara Malaysia dan Hong Kong.

13.2 Pembayaran boleh dibuat di ketiga-tiga Pusat Bayaran berikut:

NEGERI	ALAMAT
Semenanjung Malaysia	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kuala Lumpur Tingkat Bawah & 15, Blok 8A Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Karung Berkunci 11061 50990 Kuala Lumpur
Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kota Kinabalu Tingkat Bawah, 3 & 4 Menara Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman 88600 Kota Kinabalu
Sarawak	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kuching Pusat Bayaran Kuching Unit Operasi Kutipan Cukai Aras 1, Wisma Hasil No 1, Jalan Padungan 93100 Kuching

Bayaran boleh dibuat melalui Pemindahan telegraf / Pemindahan antara Bank GIRO / Pemindahan Dana Elektronik ke akaun bank LHDNM. Berbeza daripada pembayaran cukai lain, cukai pegangan tidak boleh dibayar di bank.

13.3 Dalam kes di mana tiada nombor rujukan cukai pendapatan penerima semasa melengkapkan Borang C.P.37D, pembayar perlu memohon nombor rujukan cukai pendapatan untuk penerima daripada Cawangan Tidak Bermastautin melalui surat atau menghantar permohonan berserta maklumat penuh penerima melalui faksimili kepada:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Unit Profiling
Cawangan Tidak Bermastautin
Tingkat 3, Blok 8, Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Tuanku Abdul Halim, 50600 Kuala Lumpur
No.faksimili: 03 - 6201 9745 / 6201 2417

13.4 Dalam keadaan tertentu dan bergantung kepada merit sesuatu kes, KPHDN boleh membenarkan lanjutan masa bagi pembayaran cukai pegangan yang telah dipotong.

14. Kesan Tidak Memotong dan Meremit Cukai

14.1 Di mana pembayar gagal memotong dan meremitkan apa-apa amaun cukai pegangan yang kena dibayar kepada KPHDN di bawah subseksyen 109B(1), ACP, amaun yang gagal dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% daripada bayaran yang tertakluk kepada potongan cukai dan jumlah amaun tersebut merupakan hutangnya kepada Kerajaan dan kena dibayar dengan serta merta kepada KPHDN [subseksyen 109B(2), ACP].

Contoh 17

Golden Sdn Bhd telah gagal memotong dan meremitkan cukai sebanyak RM5,000 berhubung dengan suatu pembayaran sebanyak RM50,000 pada 30.4.2019, yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, ACP kepada Bright Spark Ltd (sebuah syarikat yang berpengkalan di negara China). Amaun cukai pegangan yang gagal dibayar oleh Golden Sdn Bhd akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% daripada RM5,000). Jumlah keseluruhan sebanyak RM5,500 merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

14.2 Di mana pembayaran berhubung dengan pendapatan seksyen 4A, ACP adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP dan pembayar gagal memotong dan meremitkan cukai tersebut kepada KPHDN mengikut subseksyen 109B(1), ACP, tuntutan ke atas pembayaran tersebut tidak akan dibenarkan sebagai perbelanjaan dalam mengira pendapatan larasan daripada mana-mana punca pendapatan pembayar [perenggan 39(1)(*j*), ACP]. Walau bagaimanapun, jika pembayar kemudiannya membayar amaun yang terhutang itu bersama-sama dengan amaun kenaikan (sepertimana dinyatakan dalam perenggan 14.1), pembayaran di bawah seksyen 4A, ACP 1967 tersebut boleh dibenarkan sebagai potongan [proviso kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP].

Walaupun perbelanjaan dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP, potongan tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(*j*), ACP sekiranya cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan kepada KPHDN.

14.3 Berkuat kuasa 1.1.2011, bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran seterusnya, sebagai tambahan kepada penalti lewat bayar yang disebut dalam perenggan 14.1 di atas, di mana -

(a) Potongan cukai pegangan dibuat atau dibayar selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan pembayaran pendapatan seksyen 4A, dan

(b) Potongan bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan bayaran tersebut dituntut dalam BNCP yang dikemukakan atau dituntut dalam maklumat yang diberikan kepada KPHDN dalam mengira pendapatan larasan pembayar

cukai atau amaun yang dibayar tidak menjejaskan pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP [proviso kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP].

Dalam erti kata lain, jika pembayar menuntut potongan dalam BNCP untuk perbelanjaan yang tertakluk kepada cukai pegangan manakala cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP untuk BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul (incorrect returns). Ini terpakai tidak kira sama ada BNCP telah difailkan dalam / selepas tarikh pengemukaan bagi tahun taksiran yang berkaitan.

Jika cukai pegangan belum kena dibayar dan tiada bayaran atau pengkreditan dibuat kepada penerima bukan pemastautin pada atau sebelum tarikh pengemukaan BNCP, tanpa mengambil kira bayaran cukai pegangan yang telah dibayar dan diremitkan kepada KPHDN, potongan tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(*j*), ACP.

Contoh 18

Powerplant Pte Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di India, telah memberi perkhidmatan kepada Tokoh Sdn Bhd (tempoh perakaunan adalah sehingga 31 Disember setiap tahun) bernilai RM50,000, di mana Powerplant Pte Ltd telah melakukan perkhidmatan tersebut di Malaysia pada Januari 2017. Tokoh Sdn Bhd membuat pembayaran sebanyak RM50,000 kepada Powerplant Pte Ltd pada 29.8.2017 tetapi tidak mematuhi peruntukan cukai pegangan yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut. BNCP bagi tahun taksiran 2017 dikemukakan kepada LHDNM pada 31.7.2018 dengan pendapatan bercukai sebanyak RM1 juta dan cukai kena dibayar adalah sebanyak RM240,000. Tokoh Sdn Bhd menuntut potongan bagi bayaran fi untuk perkhidmatan.

Dalam suatu lawatan audit cukai pada Oktober 2018, penemuan audit menunjukkan bahawa Tokoh Sdn Bhd menuntut potongan dalam BNCP yang telah difailkan walaupun cukai pegangan tidak dipotong dan diremitkan kepada KPHDN. LHDNM memaklumkan kepada Tokoh Sdn Bhd agar membayar cukai pegangan dan kenaikan yang kena dibayar di bawah subseksyen 109B(2), ACP tetapi Tokoh Sdn Bhd gagal untuk berbuat demikian.

Jumlah perbelanjaan perkhidmatan sebanyak RM50,000 tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan mengikut perenggan 39(1)(*j*), ACP. Satu taksiran tambahan dikeluarkan pada 30.11.2018 dan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP [proviso (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP] dikenakan untuk BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul.

Tahun Taksiran 2017	**RM**
Taksiran Disifatkan	
Cukai kena dibayar (RM1,000,000 x 24%)	240,000
Taksiran Tambahan (selepas diaudit oleh LHDNM)	
Pendapatan larasan (sebelum audit)	1,000,000
Tambah:	
Bayaran fi untuk perkhidmatan	50,000
Pendapatan larasan (selepas audit)	
Pendapatan berkanun/Jumlah pendapatan/Pendapatan bercukai	1,050,000
Cukai yang dikenakan (RM1,050,000 x 24%)	252,000
Tolak:	
Cukai asal kena dibayar	240,000
Cukai yang terkurang	12,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP (100%) [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP]	12,000
Cukai tambahan kena dibayar	24,000

[1]**Nota:** Untuk tujuan ilustrasi, kadar penalti 100% telah digunakan. Kadar penalti yang dikenakan dalam kes-kes sebenar adalah berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri

Malaysia (LHDNM), yang sedang berkuatkuasa. Salinan rangka kerja boleh dimuat turun dari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

Cukai pegangan yang gagal dibayar oleh Tokoh Sdn Bhd sebanyak RM5,000 dinaikkan sebanyak RM500 (10% dari RM5,000) di bawah subseksyen 109B(2), ACP. Jumlah keseluruhan RM5,500 merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan. Tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPHDN menurut subseksyen 106(1), ACP untuk memungut amaun cukai pegangan dan kenaikan cukai yang belum dibayar.

Jika cukai pegangan dan kenaikan cukai di bawah subseksyen 109B(2), ACP dibayar kemudiannya, fi teknikal berjumlah RM50,000 akan dibenarkan sebagai potongan. Memandangkan BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul difailkan pada 31.7.2016, mengikut proviso (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP akan dikekalkan.

Contoh 19

Fakta adalah sama seperti di Contoh 18 kecuali Tokoh Sdn Bhd telah membayar cukai pegangan dan kenaikan berjumlah RM5,500 pada 15.12.2018 selepas menerima taksiran tambahan.

Taksiran tambahan bertarikh 30.11.2018 akan dipinda dengan mengeluarkan taksiran kurangan. Walau bagaimanapun, penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP kerana memfailkan BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul bagi tahun taksiran 2017 akan dikekalkan.

Tahun Taksiran 2017	**RM**
Taksiran Tambahan (selepas diaudit oleh LHDNM)	
Cukai tambahan	12,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP (100%)	12,000
Cukai tambahan kena dibayar	24,000
Taksiran Kurangan (selepas bayaran cukai pegangan pada 15.12.2018)	
Pendapatan larasan (selepas audit)	1,050,000
Tolak:	
Bayaran fi untuk perkhidmatan	50,000
Pendapatan larasan (selepas bayaran cukai pegangan)	
Pendapatan berkanun/Jumlah pendapatan/Pendapatan bercukai	1,000,000

Tahun Taksiran 2017	RM
Cukai yang dikenakan (RM1,000,000 x 24%)	240,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP (100%) [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP]	12,000
Cukai kena dibayar	252,000
Tolak:	
Cukai dibayar pada 30.11.2018 (RM240,000 + RM24,000)	264,000
Cukai yang dilepaskan	12,000

Contoh 20

Fakta adalah sama seperti di Contoh 18 kecuali BNCP bagi tahun taksiran 2017 difailkan pada 31.7.2018 dengan pendapatan bercukai TIADA.

Tahun Taksiran 2017	RM
Taksiran Disifatkan	
Pendapatan bercukai	Tiada
Cukai kena dibayar	Tiada
Taksiran Tambahan (selepas diaudit oleh LHDNM)	
Pendapatan larasan (sebelum audit)	Tiada
Tambah:	
Bayaran fi untuk perkhidmatan	50,000
Pendapatan larasan (selepas audit)	
Pendapatan berkanun/Jumlah pendapatan/Pendapatan bercukai	50,000
Cukai yang dikenakan/kena dibayar (RM50,000 x 24%)	12,000
Tolak:	
Cukai asal kena dibayar	Tiada
Cukai yang terkurang	12,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP (100%) [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP]	12,000
Cukai tambahan kena dibayar	24,000

Contoh 21

Fakta adalah sama seperti Contoh 20 kecuali Tokoh Sdn Bhd membayar cukai pegangan dan kenaikan berjumlah RM5,500 pada 15.12.2018 selepas menerima taksiran tambahan.

Taksiran tambahan bertarikh 30.11.2018 akan dipinda dengan mengeluarkan taksiran kurangan. Walau bagaimanapun, Tokoh Sdn Bhd masih akan dikenakan penalti dibawah subseksyen 113(2), ACP [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP] kerana memfailkan BNCP yang tidak betul untuk tahun taksiran 2017.

Tahun Taksiran 2017	**RM**
Taksiran Tambahan (selepas diaudit oleh LHDNM)	
Cukai tambahan	12,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP (100%) [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP]	12,000
Cukai tambahan kena dibayar	24,000
Taksiran Kurangan (selepas cukai pegangan dibayar pada 15.12.2018)	
Pendapatan larasan (selepas audit)	50,000
Tolak:	
Bayaran fi untuk perkhidmatan	50,000
Pendapatan larasan (selepas bayaran cukai pegangan)	
Pendapatan berkanun/Jumlah pendapatan/Pendapatan bercukai	Tiada
Cukai yang dikenakan	Tiada
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP (100%) [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP]	12,000
Cukai kena dibayar	12,000
Tolak:	
Cukai kena dibayar pada 30.11.2018	24,000
Cukai yang dilepaskan	12,000

Contoh 22

Fakta adalah sama seperti di Contoh 18 kecuali terdapat klausa di dalam perjanjian di antara Tokoh Sdn Bhd dan Powerplant Pte Ltd yang menyatakan Tokoh Sdn Bhd akan dikenakan penalti untuk bayaran lewat sebanyak 5% ke atas apa-apa amaun yang tidak dibayar kepada Powerplant Pte Ltd sebelum 29.8.2017. Tokoh Sdn Bhd membayar kepada Powerplant Pte Ltd sebanyak RM52,500 (amaun kena dibayar RM50,000 + 5% penalti lewat bayar RM2,500) pada 30.12.2017. Tokoh Sdn Bhd tidak membuat potongan dan meremitkan cukai pegangan yang terhutang dan kena dibayar.

Jumlah fi untuk perkhidmatan dan penalti lewat bayaran yang dituntut sebanyak RM52,500 tidak dibenarkan sebagai potongan untuk tujuan cukai bagi tahun taksiran yang berkaitan mengikut perenggan 39(1)(*j*), ACP.

Taksiran tambahan dikeluarkan dan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP [provisio (ii) kepada perenggan 39(1)(*j*), ACP] dikenakan seperti yang ditunjukkan di Contoh 18.

Cukai pegangan adalah sebanyak 10% daripada bayaran kasar fi untuk perkhidmatan berjumlah RM50,000. Tiada cukai pegangan dikenakan ke atas penalti lewat bayar 5% (RM2,500) kerana mengikut Artikel 11(4) PPPDK di antara Malaysia dan India, penalti bagi bayaran lewat tidak dianggap sebagai faedah bagi tujuan Artikel 11. Cukai pegangan berjumlah RM5,000 yang gagal dibayar oleh Tokoh Sdn Bhd akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% X RM5,000). Jumlah keseluruhan RM5,500 merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Penalti yang dikenakan untuk bayaran lewat sebanyak RM2,500 adalah potongan yang tidak dibenarkan di bawah subseksyen 33(1), ACP.

Nota

Dalam kes di mana penalti bayaran lewat dibayar kepada bukan pemastautin oleh pembayar, harus ditentukan sama ada penalti bayaran lewat dianggap sebagai pendapatan faedah. Tanpa PPPDK di antara Malaysia dan negara mastautin bukan pemastautin atau jika terdapat PPPDK dan tidak disebut sama ada penalti bayaran lewat dianggap sebagai pendapatan faedah atau tidak, undang-undang domestik Malaysia dikuatkuasakan. Menurut perenggan 4(f) ACP, penalti bayaran lewat yang kena dibayar kepada bukan pemastautin akan dianggap sebagai pendapatan lain dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP.

Contoh 23

Fakta adalah sama seperti di contoh 18 kecuali cukai pegangan dibayar lewat pada 10.9.2018 dan BNCP bagi tahun taksiran 2017 dikemukakan lewat pada 30.9.2018.

Cukai pegangan berjumlah RM5,000 yang gagal dibayar oleh Tokoh Sdn Bhd dalam tempoh satu bulan selepas bayaran dibayar atau dikreditkan (29.8.2017) kepada Powerplant Pte Ltd, dinaikkan sebanyak RM500 (10% X RM5,000) di bawah subseksyen 109B(2), ACP.

Tokoh Sdn Bhd telah dikenakan penalti untuk penghantaran BNCP lewat di bawah subseksyen 112(3) ACP.

14.4 Mulai 1.1.2012, menurut subseksyen 39(3), ACP, jika pembayar menikmati pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan daripada semua sumber untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di bawah-

(a) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP),

(b) perenggan 127(3)(b), ACP, atau

(c) subseksyen 127(3A), ACP

dan gagal untuk membayar cukai pegangan ke atas perbelanjaan yang dilakukan dan dibayar kepada bukan pemastautin berkaitan dengan -

(i) faedah atau royalti di bawah seksyen 109, ACP,

(ii) bayaran kontrak di bawah seksyen 107A, ACP, atau

(iii) apa-apa bayaran di bawah seksyen 109B atau 109F, ACP

potongan yang tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(*f*), 39(1)(*i*) or 39(1)(*j*), ACP adalah tidak terpakai kepada pembayar.

Walau bagaimanapun, potongan tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(*f*), 39(1)(*i*) or 39(1)(*j*), ACP masih terpakai kepada pembayar yang menikmati pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan (contohnya, Elaun Cukai Pelaburan).

14.5 Perlu diambil perhatian bahawa walaupun pembayar yang bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada penerima bukan pemastautin-

(a) menikmati pengecualian penuh atas pendapatan daripada semua punca di bawah APP atau ACP;

(b) telah diberikan elaun cukai pelaburan; atau

(c) telah mengalami kerugian (tiada pendapatan bercukai)

dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pembayar dikehendaki memotong dan meremitkan cukai pegangan di bawah seksyen 109B kepada KPHDN semasa membayar atau mengkreditkan bayaran.

Sebarang bayaran yang dibuat kepada penerima bukan pemastautin yang dituntut sebagai perbelanjaan, dalam pengiraan pendapatan larasan daripada mana-mana punca pembayar, tidak dibenarkan sekiranya pembayar gagal mematuhi syarat-syarat cukai pegangan tidak kira pembayar telah mengalami kerugian (tiada pendapatan bercukai) dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Contoh 24

Syarikat A mengemukakan permohonan untuk pengecualian cukai atas pendapatan di bawah subseksyen 127(3A), ACP kepada Menteri Kewangan. Pengecualian cukai atas pendapatan berkanun syarikat diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 127(3A), ACP dalam tahun 2016 untuk tempoh 5 tahun mulai daripada tahun taksiran 2016.

Syarikat A membayar fi untuk perkhidmatan berjumlah RM50,000 kepada Syarikat B di Indonesia pada 30.6.2018 tanpa meremitkan apa-apa bayaran cukai pegangan. Syarikat A menuntut potongan untuk fi untuk perkhidmatan dalam akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31.12.2018.

Pengiraan Pendapatan Berkanun
Tahun Taksiran 2018

Butiran	RM
Pendapatan larasan	500,000
Tambah:	
Fi untuk perkhidmatan [perenggan 39(3) ACP]	Tiada
Pendapatan larasan (selepas audit)	500,000
Tolak:	
Elaun Modal	100,000
Pendapatan Berkanun	400,000

Dalam tahun taksiran 2018, Syarikat A menikmati pengecualian cukai sepenuhnya di bawah subseksyen 127(3A), ACP dan telah gagal meremitkan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP. Oleh itu, mengikut subseksyen 39(3), ACP bayaran fi untuk perkhidmatan sebanyak RM50,000 kepada Syarikat B di Indonesia tidak akan ditambah balik dalam pengiraan cukai.

Perlu diambil perhatian bahawa fi untuk perkhidmatan berjumlah RM50,000 adalah pendapatan bukan pemastautin yang diperolehi dari Malaysia dan cukai pegangan berjumlah RM5,000 yang syarikat A gagal bayar akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% daripada RM5,000) di bawah subseksyen 109B(2), ACP. Jumlah keseluruhan RM5,500 merupakan hutang kepada Kerajaan. Tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPHDN menurut subseksyen 106(1), ACP untuk memungut amaun cukai pegangan dan kenaikan cukai yang belum dibayar.

Contoh 25

Syarikat X, sebuah syarikat berteknologi tinggi dibenarkan elaun cukai pelaburan (ECP) di bawah APP dan tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember. Syarikat X membayar fi untuk perkhidmatan sebanyak RM200,000 kepada Syarikat Y di United Kingdom pada 1.6.2018 tanpa meremitkan cukai pegangan. Syarikat X layak menuntut ECP berjumlah RM6,000,000 (60% daripada RM10,000,000 yang dilakukan atas perbelanjaan modal yang layak) bagi tahun taksiran 2018. Syarikat X dibenarkan pengecualian cukai sebanyak 100% daripada pendapatan berkanunnya.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa Syarikat Y tidak mengemukakan dokumen yang membuktikan taraf mastautinnya.

Pengiraan Jumlah Pendapatan
Tahun Taksiran 2018

Butiran	RM
Pendapatan larasan	350,000
Tambah:	
Fi untuk perkhidmatan [perenggan 39(1)(*j*) ACP]	200,000
Pendapatan larasan (selepas audit)	550,000
Tolak:	
Elaun modal	100,000
Pendapatan Berkanun	450,000
Tolak:	
Elaun cukai pelaburan (atas 100% pendapatan berkanun)	450,000
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	Tiada

Butiran	RM
Elaun cukai pelaburan	6,000,000
Tolak:	
Elaun cukai pelaburan diserap dalam tahun semasa	450,000
Elaun cukai pelaburan tidak diserap di h/h	5,550,000

Syarikat X gagal meremitkan cukai pegangan sebanyak RM20,000 (10% daripada RM200,000) bagi tahun taksiran 2018. Bayaran sebanyak RM200,000 berkaitan fi untuk perkhidmatan yang dibayar kepada Syarikat Y di UK ditambah balik dalam pengiraan cukai memandangkan Syarikat X menikmati pengecualian atas pendapatan berkanun bersamaan dengan perbelanjaan modal dilakukan.

Contoh 26

Syarikat M dibenarkan elaun cukai pelaburan (ECP) di bawah APP pada 30.11.2017 untuk tempoh 5 tahun. Syarikat M mula beroperasi pada 1.2.2017 dan tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember.

Syarikat M membayar fi untuk perkhidmatan sebanyak RM200,000 kepada Syarikat F di United Kingdom pada 1.6.2018 tanpa meremitkan cukai pegangan. Syarikat M layak menuntut ECP berjumlah RM6,000,000 (60% daripada RM10,000,000 yang dilakukan atas perbelanjaan modal yang layak) bagi tahun taksiran 2018. ECP terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun Syarikat M.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa Syarikat F tidak mengemukakan dokumen yang membuktikan taraf mastautinnya.

Pengiraan Jumlah Pendapatan
Tahun Taksiran 2018

Butiran		RM
Pendapatan larasan		350,000
Tambah:		
Fi untuk perkhidmatan [perenggan 39(1)(*j*) ACP]		200,000
Pendapatan larasan (selepas audit)		550,000
Tolak:		
Elaun modal		100,000
Pendapatan Berkanun		450,000
Tolak:		
Elaun cukai pelaburan (terhad kepada 70% pendapatan berkanun)		315,000
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai		135,000
	RM	
Elaun cukai pelaburan	6,000,000	
Tolak:		
Elaun cukai pelaburan diserap dalam tahun semasa	315,000	
Elaun cukai pelaburan tidak diserap di h/h	5,685,000	

Syarikat M gagal meremitkan cukai pegangan sebanyak RM20,000 (10% X RM200,000) bagi tahun taksiran 2018. Bayaran berjumlah RM200,000 berkaitan fi untuk perkhidmatan yang dibayar kepada Syarikat F di United Kingdom tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(*j*), ACP memandangkan Syarikat M telah menikmati sebahagian pengecualian (70%) atas pendapatan berkanun yang bersamaan kepada perbelanjaan modal yang dilakukan.

Example 27

Fakta adalah sama seperti di Contoh 26 kecuali Syarikat M tidak diberikan elaun cukai pelaburan di bawah APP tetapi mengalami kerugian larasan bagi tahun taksiran 2018.

Pengiraan Pendapatan Berkanun
Tahun Taksiran 2018

Butiran		RM
Kerugian larasan		(350,000)
Tambah:		
Fi untuk perkhidmatan [perenggan 39(1)(*j*) ACP]		200,000
Kerugian larasan hantar hadapan (h/h)		(150,000)
Elaun modal tahun semasa	100,000 (h/h)	
Pendapatan Berkanun		Tiada

Syarikat M gagal meremitkan cukai pegangan sebanyak RM20,000 (10% daripada RM200,000) bagi tahun taksiran 2018. Bayaran berjumlah RM200,000 berkaitan fi untuk perkhidmatan yang dibayar kepada Syarikat F di United Kingdom tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(*j*), ACP walaupun Syarikat M tidak mempunyai pendapatan bercukai (mengalami kerugian) bagi tahun taksiran 2018.

14.6 Jika pembayar membuat pembayaran kepada orang tidak pemastautin tanpa memotong cukai pegangan tetapi berjanji menanggung amaun cukai pegangan yang patut dipotong kepada KPHDN, pembayar boleh mendapatkan kembali amaun cukai pegangan daripada orang tidak bermastautin tersebut [perenggan 109B(3)(b), ACP].

15. Rayuan oleh Pembayar atas Bayaran Cukai Pegangan

Mulai 1.1.2013, pembayar yang kena membayar cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas sekiranya asas rayuan adalah bayaran cukai pegangan tidak kena dibayar di bawah ACP. Rayuan perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh amaun tersebut perlu dibayar kepada KPHDN.

Walau bagaimanapun, rayuan tidak boleh dibuat oleh pembayar di bawah keadaan berikut:

(a) orang bukan pemastautin telah menfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas berhubung dengan bayaran di bawah seksyen 4A, ACP yang berkaitan dengan cukai pegangan,

(b) bayaran di bawah seksyen 4A, ACP kepada orang bukan pemastautin telah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 39, ACP dalam pengiraan pendapatan larasan, atau

(c) cukai pegangan yang kena dibayar tidak dibayar kepada KPHDN oleh pembayar.

[seksyen 109H, ACP]

16. **Permohonan untuk Relif Selain Berkenaan Kesilapan atau Khilaf**

Berkuat kuasa 1.1.2017, seorang pembayar yang telah mengemukakan borang retan kepada KPHDN bagi suatu tahun taksiran dan telah membayar cukai bagi tahun taksiran itu boleh memfailkan permohonan untuk relif jika pembayar mendakwa bahawa taksiran berkaitan tahun taksiran itu adalah berlebihan. Taksiran tersebut dikatakan berlebihan jika suatu potongan tidak dibenarkan berkaitan bayaran yang belum kena dibayar di bawah seksyen 109B, ACP pada hari borang retan dikemukakan. Pembayar boleh membuat permohonan bertulis kepada KPHDN dalam masa satu tahun selepas tahun akhir pembayaran tersebut dibuat. [seksyen 131A, ACP]

17. **Penjelasan Mengenai Tarikh Akhir Bayaran**

Jika hari terakhir bagi tempoh pembayaran untuk meremitkan bayaran adalah hari cuti mingguan atau hari cuti umum di Malaysia, maka tempoh pembayaran termasuklah hari bekerja berikutnya. Dalam erti kata lain, jika tarikh akhir pembayaran cukai pegangan jatuh pada hari pelepasan (Jumaat dan Sabtu, atau Sabtu dan Ahad, yang mana berkenaan) atau cuti umum di Malaysia, maka hari bekerja yang berikut akan dianggap sebagai tarikh akhir bayaran perlu dibuat. Pembayar perlu memastikan semua bayaran diterima oleh Pusat Bayaran sebelum tarikh kena bayar.

Contoh 28

Maxwell Malaysia Bhd, syarikat di Kuala Lumpur telah membayar fi untuk perkhidmatan sebanyak RM150,000 kepada Sconil Co. Ltd pada 23.5.2019 untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Maxwell Malaysia Bhd perlu meremitkan cukai pegangan yang telah dipotong sebanyak RM15,000 kepada KPHDN dalam tempoh masa sebulan selepas membayar atau mengkredit fi untuk perkhidmatan kepada Sconil Co Ltd, iaitu pada 23.6.2019 (Ahad).

Memandangkan tarikh akhir untuk membuat bayaran (23.6.2019) jatuh pada hari Ahad iaitu cuti mingguan di Kuala Lumpur, maka hari Isnin (24.6.2019) merupakan tarikh akhir untuk membuat bayaran.

18. **Perjanjian Pengelakkan Pencukaian Dua Kali**

Malaysia telah membuat perjanjian dengan beberapa negara untuk mengelak pencukaian dua kali dan pencegahan pengelakkan fiskal.

18.1 Jika PPPDK telah ditandatangani dengan sebuah negara tertentu, PPPDK tersebut -

(a) pada amnya akan termasuk Artikel Fi Teknikal / Fi untuk Perkhidmatan Teknikal yang memperuntukan bahawa fi teknikal yang diperolehi atau terbit dari Malaysia boleh dikenakan cukai di Malaysia (iaitu tertakluk kepada cukai pegangan di Malaysia). PPPDK boleh memperuntukkan kadar keutamaan cukai pegangan atas fi bagi perkhidmatan teknikal dalam Artikel Fi Teknikal / Fi untuk Perkhidmatan Teknikal. Untuk layak kadar keutamaan, pengesahan bertulis dalam bentuk surat atau sijil daripada pihak berkuasa percukaian negara berkaitan yang mengesahkan taraf mastautin penerima perlu dikemukakan bersama-sama dengan CP37D; atau

(b) tidak mempunyai Artikel Fi Teknikal / Fi untuk Perkhidmatan Teknikal. Dalam kes tersebut, Artikel Royalti (jika terpakai) seperti dalam PPPDK dengan negara Sepanyol atau Artikel Pendapatan lain / Artikel Pendapatan yang Tidak Dinyatakan dengan Jelas seperti dalam PPPDK dengan negara China, Thailand, Kanada adalah terpakai.

18.2 Jika Malaysia tidak membuat perjanjian PPPDK atau terdapat PPPDK terhad dengan sesebuah negara tertentu, undang-undang domestik Malaysia diutamakan.

18.3 **Persefahaman Khusus kepada PPPDK di antara negara Malaysia dan Australia**

Mengikut Protokol PPPDK Malaysia-Australia 1999 atas layanan cukai fi perkhidmatan teknikal, di mana suatu perusahaan Australia memberi perkhidmatan termasuk perkhidmatan konsultasi di Malaysia melalui pekerja atau kakitangan lain yang diguna khidmat oleh perusahaan tersebut bagi tujuan itu dan Artikel 5(4)(c) PPPDK tidak terpakai, pengecualian daripada cukai pegangan telah diperuntukkan. **Pengecualian ini hanya khusus kepada PPPDK Malaysia-Australia dan tidak meliputi PPPDK yang lain.**

Jika perkhidmatan diberi di Malaysia oleh pekerja atau kakitangan lain yang diguna khidmat oleh perusahaan Australia bagi tempoh atau tempoh- tempoh yang agregatnya lebih daripada 3 bulan dalam tempoh 12 bulan, perusahaan tersebut dianggap mempunyai establismen tetap di Malaysia. Sekiranya perusahaan Australia mempunyai establismen tetap di Malaysia kerana syarat-syarat dalam PPPDK dipenuhi, cukai pegangan di bawah seksyen 107A, ACP adalah terpakai.

19. **Cukai Pegangan di bawah Seksyen 109B dan 107A, ACP**

Seksyen 109B terpakai kepada bukan pemastautin berkenaan dengan pendapatan yang termasuk di bawah seksyen 4A, ACP. Walau bagaimanapun, sekiranya suatu bayaran kepada bukan pemastautin berkenaan perenggan 4A(i) atau 4A(ii), ACP adalah berhubung dengan projek kontrak di Malaysia, yang mengakibatkan -

(a) kewujudan establismen tetap di Malaysia (jika suatu PPPDK terpakai); atau

(b) kewujudan perniagaan di Malaysia (ketiadaan PPPDK)

dan bayaran adalah berhubung projek kontrak itu, peruntukan cukai pegangan di bawah sekyen 107A, ACP adalah terpakai.

Contoh 29

Syarikat kejuruteraan di Singapura telah diguna khidmat untuk menjalankan pemeriksaan kejuruteraan dan kerja-kerja pembaikan di Johor Bahru bagi tempoh 9 bulan berhubung projek kontrak di Malaysia.

Mengikut Artikel 5(4) PPPDK di antara Malaysia dan Singapura, suatu perusahaan Singapura dianggap mempunyai estalishmen tetap di Malaysia jika ia menjalankan aktiviti penyeliaan di Malaysia bagi tempoh melebihi 6 bulan berhubung tapak bangunan atau projek pembinaan atau pemasangan yang dijalankan di Malaysia.

Perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat Singapura adalah berkaitan dengan projek kontrak yang melibatkan pemeriksaan kejuruteraan dan kerja-kerja pembaikan. Syarikat Singapura menjalankan aktiviti penyeliaan berkaitan tapak bangunan dan pembinaan di Malaysia bagi tempoh melebihi 6 bulan. Oleh itu, syarikat Singapura disifatkan mempunyai establismen tetap di Malaysia mengikut Artikel 5(4) PPPDK tersebut.

Syarikat Singapura tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A, ACP atas bayaran bagi perkhidmatan yang dijalankan di Malaysia.

20. **Kontrak Sedia Ada sebelum Pindaan kepada Seksyen 15A, ACP**

Dalam kes kontrak yang sedia wujud sebelum berkuat kuasanya pindaan kepada seksyen 15A, ACP pada 17.1.2017, sama ada pendapatan bukan pemastautin termasuk di bawah perenggan 4A(i) atau (ii), ACP **untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia** tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP bergantung kepada bila perkhidmatan dilaksanakan dan tarikh bayaran dibuat kepada penerima bukan pemastautin.

Bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia oleh bukan pemastautin sebelum 17.1.2017 dan bayaran dibuat kepada bukan pemastautin sama ada sebelum atau selepas 17.1.2017, bayaran tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP.

Jika perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia oleh bukan pemastautin mulai 17.1.2017 hingga 5.9.2017 dan bayaran dibuat kepada bukan pemastautin sebelum 17.1.2017, bayaran tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP. Sebaliknya, jika bayaran dibuat kepada bukan pemastautin mulai 17.1.2017, bayaran tersebut tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP.

Ringkasan sama ada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP terpakai kepada perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia di bawah kontrak sedia ada sebelum 17.1.2017 adalah seperti berikut:

Tarikh Kontrak Ditandatangani	Tempoh Dilaksanakan di Luar Malaysia	Tarikh Bayaran dibuat kepada Bukan Pemastautin	Cukai Pegangan di bawah Seksyen 109B terpakai?
17.1.2017 seterusnya	17.1.2017 hingga 5.9.2017	17.1.2017 dan seterusnya	Ya
Sebelum 17.1.2017	Sebelum 17.1.2017	Sebelum 17.1.2017 atau 17.1.2017 dan seterusnya	Tidak
Sebelum 17.1.2017	17.1.2017 hingga 5.9.2017	Sebelum 17.1.2017	Tidak
Sebelum 17.1.2017	17.1.2017 hingga 5.9.2017	17.1.2017 dan seterusnya	Ya

Contoh 30

Worldwide Go Sdn Bhd telah membuat perjanjian pada 1.9.2016 dengan syarikat bukan pemastautin di Jerman untuk perkhidmatan konsultasi dan nasihat teknikal berkaitan pemasangan loji di Malaysia. Nilai kontrak yang dipersetujui adalah RM1.24 juta. Pendapatan yang diterima oleh syarikat bukan pemastautin termasuk di bawah seksyen 4A(ii), ACP. Sebahagian perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia dari 1.12.2016 hingga 31.12.2016 manakala sebahagian lagi perkhidmatan dilaksanakan di Jerman dari 1.1.2017 hingga 31.1.2017. Worldwide Go Sdn Bhd membuat bayaran penuh kepada syarikat bukan pemastautin pada 15.2.2017.

Bayaran berhubung perkhidmatan konsultasi dan nasihat teknikal yang dilaksanakan di dalam dan di luar Malaysia akan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP seperti berikut:

Tempoh Perkhidmatan Dilaksanakan	Tempat Dilaksanakan	Tarikh Bayaran	Cukai Pegangan di Bawah Seksyen 109B terpakai?
1.12.2016 - 31.12.2016	Malaysia	15.2.2017	Ya
1.1.2017 - 16.1.2017	Jerman	15.2.2017	Tidak
17.1.2017 - 31.1.2017	Jerman	15.2.2017	Ya

Bahagian nilai kontrak yang berkaitan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di dalam dan di luar Malaysia perlu ditentukan secara adil dan berjustifikasi. Pembahagian nilai kontrak adalah berdasarkan nilai perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia.

Bahagian nilai projek yang berkaitan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di dalam dan di luar Malaysia dikira berdasarkan kos masa.

Jumlah fi untuk projek	RM1,240,000
Bilangan hari untuk keseluruhan projek	62 hari
Bilangan hari berada di Malaysia	31 hari
Kos masa di Malaysia bagi tempoh dari 1.12.2016 hingga 31.12.2016	RM620,000 (31/62 X 1,240,000)
Bilangan hari berada di Jerman	31 hari
Kos masa di Jerman (1.1.2017 hingga 31.1.2017)	RM620,000 (31/62 X 1,240,000)
Kos masa di Jerman bagi tempoh dari 17.1.2017 to 31.1.2017	RM300,000 (15/31 X 620,000)

(i) Fi sebanyak RM620,000 berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia bagi tempoh dari 1.12.2016 hingga 31.12.2016 adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP.

(ii) Fi sebanyak RM300,000 berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di Jerman bagi tempoh dari 17.1.2017 hingga 31.1.2017 adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP.

(iii) Fi berkaitan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Jerman sebelum 17.1.2017 tidak tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP.

Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap bahawa syarikat Jerman tidak mengemukakan dokumen yang membuktikan taraf mastautinnya.

21. **Pengecualian Cukai Pegangan Atas Pendapatan daripada Perkhidmatan yang Dilaksanakan di Luar Malaysia pada atau selepas 6.9.2017**

Mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2017 [P.U.(A) 323/2017], mulai 6.9.2017 bayaran kepada bukan pemastautin yang termasuk di bawah perenggan 4A(i) atau (ii), ACP bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia dikecualikan daripada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP.

Dalam kes kontrak yang sedia ada sebelum pengecualian cukai pegangan berkuat kuasa pada 6.9.2017, sama ada pendapatan bukan pemastautin yang termasuk di bawah perenggan 4A(i) atau (ii) ACP bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP bergantung kepada bila perkhidmatan itu dilaksanakan.

Bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia oleh seorang bukan pemastautin pada atau selepas 6.9.2017 dan bayaran dibuat kepada bukan pemastautin sama ada pada atau selepas 6.9.2017, bayaran dikecualikan cukai pendapatan di bawah seksyen 109B, ACP.

Ringkasan sama ada pengecualian cukai pendapatan di bawah seksyen 109B, ACP terpakai kepada perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia di bawah kontrak sedia ada yang ditandatangani sebelum atau selepas 6.9.2017 adalah seperti berikut:

Tarikh Perjanjian Ditandatangani	Tempoh Dilaksanakan Di Luar Malaysia	Tarikh Bayaran kepada Bukan Pemastautin	Cukai Pegangan di bawah Seksyen 109B terpakai?
6.9.2017 seterusnya	6.9.2017 dan seterusnya	6.9.2017 dan seterusnya	Tidak
Sebelum 6.9.2017	7.1.2017 hingga 5.9.2017	Sebelum 6.9.2017 atau 6.9.2017 dan seterusnya	Ya
Sebelum 6.9.2017	6.9.2017 dan seterusnya	Sebelum 6.9.2017[1]	Tidak
Sebelum 6.9.2017	6.9.2017 dan seterusnya	6.9.2017 dan seterusnya	Tidak

[1]Bagi kontrak yang ditandatangani dan bayaran dibuat sebelum 6.9.2017, tetapi perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia pada atau selepas 6.9.2017, bayaran tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan dan tuntutan pembayaran balik cukai pegangan yang telah dibayar boleh dibuat.

22. Pemeriksaan Transaksi

KPHDN mempunyai hak untuk memeriksa sesuatu kedudukan urusniaga dengan lebih terperinci di mana keadaan memerlukan sedemikian.

23. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 11/2018 bertarikh 5.12.2018.	**Pindaan** Kandungan KU ini telah dipinda seperti berikut:

Perenggan	Butiran
2	Perenggan 2.3 dipinda.
4	Perenggan 4(b) dipinda.
5	Perenggan 5.2 dipinda.
6	Contoh 2 dan 3 dikemaskini dan dipinda.
7	Perenggan 7.1, 7.2 dan 7.3 dipinda. Contoh 5, 9, 11 dan 12 dipinda. Contoh 8 dikemaskini.
10	Contoh 13 dipinda.
11	Perenggan 11.1 dan 11.2 dipinda.
12	Contoh 14 dan 15 dipinda.
13	Contoh 16 dikemaskini.
14	Perenggan 14.2 dipinda. Contoh 18, 19, 20, 21, 22, 24, 25, 26 dan 27 dipinda. Contoh 17 dan 23 dikemaskini.
17	Contoh 28 dikemaskini.

24. **Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.